

Siri lawatan mula Sabtu ini

# Ribuan akan sambut PM

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan diberi sambutan secara besar-besaran oleh ahli-ahli dan penyokong Barisan Nasional, khususnya Umno, apabila Perdana Menteri memulakan siri lawatan ke negeri-negeri hujung minggu ini.

Walaupun lawatannya dianggap sebagai kunjungan biasa, pemimpin-pemimpin parti dan masyarakat sedang menyusun pelbagai aturcara sambutan sebagai membuktikan sokongan dan pendirian teguh rakyat terhadap kepemimpinan beliau dalam menjalankan tugas mentadbir kerajaan dan negara.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang disertai oleh Datuk Paduka Datin Seri Siti Hasmah, memulakan siri kunjungannya dengan melawat Kedah, Sabtu ini diikuti dengan kunjungan singkat ke Perak pada hari Ahad.

Sumber-sumber berkata, tarikh lawatannya ke negeri-negeri lain sedang ditetapkan. Beliau dijangka melawat Johor 8 Disember.

## Membanjiri

Beribu-ribu orang dijangka membanjiri Lapangan Terbang Kepala Batas, Alor Star untuk menyambut ketibaan Perdana Menteri Sabtu ini.

Sumber-sumber itu menyatakan, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin akan mengetuai majlis sambutan ahli-ahli dan penyokong Barisan Nasional serta anggota masyarakat berbilang kaum dari seluruh negeri.

Penyokong-penyokong Barisan Nasional dari Pulau Pinang dikatakan telah menempah lebih 10 buah bas untuk membawa mereka menyertai perhimpunan di Alor Star.

Datuk Seri Dr Mahathir dijangka menyampaikan ucapan kepada orang ramai di lapangan terbang.

Sumber-sumber itu berkata, beliau juga dijadualkan menghadiri majlis-majlis perjumpaan dengan badan-badan Perhubungan Umno Negeri.

Pemerhati-pemerhati politik berkata, walaupun badan-badan Perhubungan Umno Negeri dan pelbagai bahagian parti telah menyatakan pendirian menyokong kerajaan dalam soal pindaan perlembagaan sejak sebulan lalu, siri lawatan Perdana Menteri itu memberi kesempatan kepada ahli-ahli dan rakyat amnya untuk membuktikan sokongan mereka.

Sementara itu perkara pindaan perlembagaan akan dapat diselesaikan secara bijaksana, tidak lama lagi.

Pemerhati-pemerhati politik yang optimistik mengenainya berpendapat, perkara itu akan dapat diatasi selawat-lewatnya pertengahan bulan depan.

*Berita Harian* diberitahu, sekiranya perkara itu dapat diselesaikan dalam tempoh itu, fasal 46 perlembagaan berhubung peruntukan tambahan kerusi Dewan Rakyat

tidak akan terjejas. Ini bermakna Suruhanjaya Pilihanraya masih mempunyai masa untuk menjalankan tugas untuk memastikan bahawa proses yang perlu dijalankan tidak terban-tut.

Sehingga lewat petang ini, Suruhanjaya Pilihanraya tidak dapat dihubungi untuk mengesahkan perkara itu.

Mereka menaruh keyakinan itu berasaskan kepada jaminan yang diberikan oleh Raja-Raja Melayu yang menyedari betapa pentingnya cadangan mewujudkan kawasan pilihanraya baru seperti yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya supaya tidak terhalang perkembangan politik dan pemerintahan bercorak demokrasi sebagaimana yang tercatat dalam pindaan perlembagaan.

Sebelum ini, laporan menyebut bahawa perkara pindaan perlembagaan itu hendaklah di-tandatangani sebelum akhir bulan ini untuk memberi masa kepada Suruhanjaya menyelesaikan proses ke arah melaksanakan fasal 46 itu.

Pemerhati-pemerhati politik itu berkata, penyelesaian itu akan dapat dicapai pertengahan bulan depan untuk membolehkan Raja-Raja Melayu menimbang dan mengkaji cadangan-cadangan yang disebarkan oleh Umno semasa pertemuan itu.